

21/10/2002

Pendirian MCA mengenai isu bahasa Inggeris dikesali

SEBAGAIMANA diduga sejak awal lagi, MCA tidak menyokong usaha kerajaan untuk melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris bagi mengajar Matematik dan Sains bermula pada peringkat sekolah rendah, mulai tahun depan. Ia bagaimanapun, bersetuju jika penggunaan bahasa Inggeris itu bagi mengajar dua mata pelajaran itu dimulakan pada peringkat sekolah menengah. Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, ketika mendedahkan pendirian partinya mengenai isu itu, berkata pada amnya ia bersetuju dengan usaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar, tetapi ia mahu ini hanya dilakukan bagi pembelajaran mata pelajaran itu saja dan tidak meliputi pendidikan Matematik dan Sains. Alasan yang sering diutarakan dalam menentang cadangan itu tidaklah lain, kononnya pendedahan sejak di bangku sekolah rendah itu boleh menghakis ciri-ciri kaum atau mengikis identiti sekolah jenis kebangsaan Cina. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika mengulas, menolak kebimbangan dan kesangsian itu. Keputusan MCA itu adalah sejajar pendirian pergerakan pendidikan Cina seperti Dong Jiao Zhong. Sebelum ini, Parti Gerakan, sebuah lagi parti komponen Barisan Nasional sudah pun menyatakan sikapnya yang jelas adalah sama dengan MCA berhubung isu itu.

Cadangan mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dibuat oleh Presiden BN, juga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jun lalu. Ia disambut baik dan diberi sokongan padu oleh Umno yang sependapat langkah itu perlu bagi memudahkan pelajar kita menguasai bahasa Inggeris dalam usaha menimba pelbagai bidang ilmu pengetahuan daripada buku yang banyak ditulis dalam bahasa antarabangsa itu. Apatah lagi dengan pencapaian pesat dan perubahan dalam bidang teknologi dicapai di barat, penguasaan bahasa Inggeris didapati di antara syarat utama yang mampu membantu pelajar kita bergerak menempah kemajuan seiring rakan mereka di negara maju. Penggunaan bahasa Inggeris secara lebih menyeluruh itu juga diharap akan menjadikannya sebagai faktor mewujudkan keseragaman dalam pendidikan di sekolah-sekolah mulai peringkat rendah lagi. Ini juga diharap sekali gus dapat membantu mempermudah dan mempercepatkan usaha meningkatkan lagi perpaduan di kalangan kaum di negara ini.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, sudah pun mengumumkan cadangan itu akan dilaksanakan di semua sekolah jenis kebangsaan saja iaitu untuk murid Tahun Satu, Tingkatan Satu dan Enam Rendah, mulai tahu depan. Namun di sekolah jenis kebangsaan, sebahagian besar pelajar adalah Melayu dengan segelintir kaum Cina dan India. Tidak syak lagi kerajaan beranggapan pendedahan awal kepada pengajaran bahasa Inggeris iaitu sejak di bangku sekolah rendah, adalah jalan keluar terbaik membantu murid kita menguasai bahasa itu. Lebih-lebih lagi dengan pelaksanaan corak pembelajaran yang mudah iaitu dengan penggunaan teknologi IT.

Pendirian MCA, Gerakan dan pertubuhan pendidikan Cina di sini sedikit sebanyak menimbulkan tanda tanya memandangkan sikap sesetengah ibu bapa Cina yang dilaporkan sanggup menghantar anak mereka ke kelas tuisyen bahasa Inggeris. Ada juga ibu bapa Cina yang tidak segan-segan menghantar anak mereka ke sekolah aliran Inggeris sepenuhnya di negara jiran walaupun dikenakan yuran yang tinggi. Matlamat mereka tidaklah lain iaitu mahu anak mereka menguasai bahasa Inggeris bukan saja demi meneroka ilmu pengetahuan malah bagi menjamin si anak mempunyai masa depan yang cerah dan mampu bersaing apabila memasuki pasaran pekerjaan yang mengutamakan bahasa itu. Keputusan MCA, sebagai parti kedua terbesar dalam Barisan Nasional itu

tidak syak lagi adalah sesuatu yang dikesali sedang negara mengorak pelbagai langkah menghadapi perkembangan pesat dalam dunia pendidikan dan cabaran pada masa depan.